

# HUBUNGAN KERENAH PELAJAR DAN BEBAN TUGAS DENGAN TAHAP STRES GURU DI SEKOLAH MENENGAH

*Abdul Said Ambotang  
Norazizah Pilus  
Christina Andin@Nur Qistina Abdullah*

## **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan kerenah pelajar dan beban tugas dengan tahap stres guru di sekolah di menengah kebangsaan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam menentukan perhubungan antara kesemua pemboleh ubah tidak bersandar (kerenah pelajar dan beban tugas) dengan pemboleh ubah bersandar (tahap stres). Sampel kajian ini telah diperolehi daripada guru-guru sekolah menengah kebangsaan di daerah Semporna, Sabah. Sebanyak 282 sampel telah diperolehi oleh penulis untuk diuji dalam kajian ini. Setiap hipotesis telah diuji dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* Versi 18.0. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sederhana, iaitu  $r = 0.531$  di antara pemboleh ubah kerenah pelajar dengan tahap stres guru, hubungan yang signifikan pada tahap sederhana  $r = 0.546$  di antara pemboleh ubah beban tugas dan tahap stres guru. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan tinggi, kuat dan sangat ketara antara punca stres (kerenah pelajar dan beban tugas)  $r = 0.720$ .

**Kata kunci:** Kerenah pelajar, beban tugas, tahap stres, perubahan tingkah laku, profesion perguruan.

## **Abstract**

*This study was conducted to see the relationships between the factors that cause stress. Quantitative methods were used to determine the relationships between all independent variables (causes of stress) and dependent variables (level of stress). The samples for this study were obtained from the secondary teachers of Semporna District. There were 282 samples which were collected for the purpose of this study.*

*Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 18.0 software was used to test each hypothesis in this study. The finding of this study suggested that there is a significant moderate link,  $r = 0.531$  between the students' behaviours with the level of teachers' stress. There is also a significant link between burden of duties with the level of teachers' stress at  $r = 0.546$ , and also a strong significant link among the causes of stress (students' behaviours and burden of duties) with the level of teachers' stress at  $r = 0.720$ .*

**Keywords:** *Students' behaviours, burden of duties, level of stress, change of attitude, teacher's profession.*

## **Pengenalan**

Dalam jangka masa 30 tahun ini, ramai pengkaji telah mengkaji tentang stres dalam kalangan guru. Terdapat lebih daripada satu pertiga guru di Amerika Syarikat mengalami tekanan yang melampau (Pithers & Soden, 1999; Van Dick & Wagner, 2001). Kyriacou (2001) berpendapat stres guru adalah disebabkan oleh beban tugas yang berat dan iklim kerja yang kurang memuaskan. Faktor-faktor yang dikenal pasti menghasilkan stres guru termasuk pengurusan bilik darjah, penambahan beban tugas, tingkah laku pelajar dan kekurangan sokongan pihak pengurusan (Pervez & Hanif, 2003; Bachkirova *et al.*, 2005).

Dunham (1992) mendefinisikan stres guru sebagai perubahan tingkah laku, emosi, mental dan reaksi fizikal akibat mengalami tekanan yang signifikan lebih tinggi daripada daya tindakan secara berpanjangan. Guru mengalami aras stres kerja yang berlainan berdasarkan keadaan sekolah yang berbeza-beza (Kyriacou, 1987, Dewe, 1999). Borg (2000) membuat kajian yang mengatakan bahawa satu pertiga daripada guru mengakui mereka menghadapi stres tinggi dalam profesion mereka.

Selain faktor persekitaran, tekanan psikologi seseorang guru juga boleh menyebabkan stres (Fletcher & Payne 2000; Schonfeld, 2001). Guru bukan sahaja perlu menjalankan tugas mengajar seharian. Malah, mereka dijangkakan mempunyai kemahiran intelektual yang tinggi. Guru turut diharapkan dapat menanamkan kebolehan berdikari kepada pelajar dalam usaha memperoleh ilmu pengetahuan (Lee, 1999 dan

Sapora, 2001). Peranan guru juga sudah berubah dan meningkat (Sapora Sipon, 2001). Menurut Mohd. Taib dan Hamdan (2006), berdasarkan kajian yang dijalankan oleh *University of Manchester Institute Science and Technology*, didapati bidang pekerjaan guru mempunyai kadar stres yang tinggi iaitu pada skala 6.2 dari skala stres 0 hingga 10. Tahap stres guru yang tinggi ini disumbangkan oleh perubahan dan persaingan dunia pendidikan dalam menghadapi era globalisasi.

Faktor persekitaran tempat kerja, masa bekerja dan aspek profesion yang memerlukan banyak interaksi dengan manusia juga mungkin menimbulkan kesan-kesan negatif. Keadaan ini akan lebih mendatangkan stres berbanding dengan profesion yang kurang berinteraksi dengan manusia semasa bekerja. Beban tugas, salah laku pelajar, kekangan masa dan sumber, perhubungan antara personal dan penghargaan merupakan perkara-perkara yang akan menyumbang kepada stres yang dihadapi oleh guru.

### **Pernyataan Masalah**

Pada awal abad ke-21, bidang perguruan dianggap sebagai satu bidang kerjaya yang penuh dengan cabaran. Dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020, terdapat perubahan dalam sistem pendidikan untuk disesuaikan dengan perkembangan teknologi dan globalisasi yang telah banyak memberi kesan kepada guru. Lantaran itu, bidang pendidikan memerlukan para guru yang cekap, cergas, berdaya usaha tinggi dan berproduktiviti tinggi. Matlamat sebegini hanya dapat dicapai sekiranya para guru tidak mengalami pelbagai cabaran dan stres di tempat kerja (Sapora, 2001). Walau bagaimanapun, keadaan dalam bidang perguruan pada hari ini tidak berada dalam situasi yang diharapkan. Permasalahan perkhidmatan, stres, konflik peranan, kekaburan peranan, ketiadaan satu sistem sokongan sosial dari pihak pentadbiran dan rakan sekerja serta rangkaian masalah lain tidak diselesaikan dengan adil dan memuaskan, mengakibatkan ramai guru telah memilih untuk meninggalkan profesion perguruan ini (Zolkepleli, 2001).

Stres bagaikan sudah sehati dengan profesion perguruan itu sendiri. Kesannya secara langsung akan merugikan sistem pendidikan negara. Isu tentang stres mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji

di pelbagai negara. Antaranya, Pithers dan Forgaty (1995), Kelly dan Berthelsen (1998), Manthei dan Solman (1998) di New Zealand, Cooper dan Kelly (2000), Chan dan Hui (2000) di Hong Kong dan Laughlin (2002) di Australia. Di Malaysia, antara pengkaji-pengkaji dalam bidang stres guru ialah Noor Azzuddin Abdul Aziz (1990), Noriah Mohd. Ishak (2000), Tan (2001), Siti Rohani Mohd. Sharif (2001) & Mohd. Hasidin Zaini (2002).

Pengkaji-pengkaji lepas rata-ratanya menyatakan antara penyebab utama kepada stres guru ialah salah laku pelajar, tekanan masa, suasana kerja dan perhubungan antara staf (Boyle *et al.*, 1995; Hart *et al.*, 1995; dan Kelly & Berthelsen, 1995). Perkara dan keadaan ini turut berlaku di Malaysia (Abu Omar, 1996; Chei, 1996; Mohd. Hasidin, 2002), menyebabkan media sering memuatkan perlakuan atau tindakan guru yang tidak beretika yang mungkin berpunca daripada stres, rungutan dan guru tentang ketidakpuasan tentang perubahan kurikulum, ketidakpuasan dari segi penilaian dan gaji, guru meninggalkan profesion perguruan dan seumpamanya. Keadaan ini sedikit banyak menimbulkan stres kepada guru.

Guru mempunyai hubungan profesional dengan beberapa kumpulan yang akan mempengaruhi peranannya sebagai guru. Di bilik darjah, guru mempunyai hubungan langsung dengan murid-muridnya sendiri. Di luar kelas, tetapi masih di dalam kawasan sekolah, terdapat pula kumpulan lain yang terdiri dari pentadbir, rakan sejawat, staf sokongan dan penjaga yang berhubung dengan guru. Kumpulan ini juga mempunyai pengaruh kuat kepada guru secara tidak langsung walaupun guru tidak selalu berhubung dengan mereka yang akan menimbulkan stres guru (Noran Fauziah Yaakub & Ahmad Mahdzan Ayob, 1992).

Pengkaji-pengkaji lepas mendapati bahawa profesion perguruan adalah bidang kerjaya yang menghadapi stres yang tinggi (Trendall, 1999; Borg 2000; Cooper, 2000 & Hart *et al.*, 2001). Mereka membuktikan betapa stres guru perlu diberi perhatian sewajarnya. Namun, sehingga kini belum ada usaha yang benar-benar dapat menangani masalah ini. Maka, langkah mengenal pasti punca-punca yang menimbulkan stres guru perlu diambil agar pihak yang terlibat dapat merangka strategi

bagi menanganinya. Selaras dengan kepentingan guru dalam proses pembangunan masyarakat dan negara, kebajikan guru harus diberi perhatian dan tidak boleh diabaikan.

### **Reka Bentuk Kajian**

Pada umumnya, reka bentuk kajian bertujuan untuk membantu dan membimbing pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian. Kaedah tinjauan digunakan dalam penyelidikan dengan cara pengumpulan data daripada kumpulan yang dikaji menggunakan satu set soalan soal selidik. Kajian yang dijalankan ini merupakan satu penyelidikan berbentuk deskriptif. Pendekatan kuantitatif diguna pakai bagi mendapatkan data yang diperlukan melalui instrumen kajian iaitu soal selidik. Melalui kaedah ini, penulis dapat mengumpul, menganalisis dan menginterpretasikan data yang diperolehi dengan mudah. Semasa menjalankan kajian, penulis menggunakan borang soal selidik. Kaedah ini mengumpulkan jawapan terus dari subjek kajian, data dapat dikutip dengan cepat dan keupayaan keputusan kajian untuk digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan (Chua Yan Piaw, 2006). Responden hanya perlu menyatakan keadaan sebenar berpandukan soalan yang disediakan.

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada 674 orang guru dari sembilan buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Semporna, Sabah. Daripada populasi tersebut, seramai 350 orang sampel dijadikan responden bagi kajian ini. Jumlah sampel ini menepati cadangan yang dibuat oleh Krejcie dan Morgan (1970) berdasarkan jadual penentuan sampel yang telah dicadangkan. Menurut Krejcie dan Morgan (1970), saiz populasi sebanyak 650 hingga 700 memerlukan 242 hingga 248 sampel. Oleh yang demikian, penulis telah membuat keputusan untuk mengedarkan 350 borang soal selidik setelah mengambil kira bilangan keciciran yang mungkin berlaku semasa proses pemungutan soal selidik dibuat. Menurut Mohd. Najib (2003), sampel sumber untuk mendapatkan data kerana sampel sebenarnya mewakili keseluruhan populasi yang besar. Kesemua yang menjadi sampel kajian ini dipilih secara persampelan sistematik.

## **Instrumen Kajian**

Berdasarkan instrumen *Teacher Stress Inventory* yang digunakan oleh Boyle *et al.* (1995), *Self Report Teacher Stress* oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1978) dan soal selidik yang digunakan oleh Payne dan Furnham (1997), penulis mengadaptasikan item-item yang sesuai dengan faktor yang hendak dikaji dalam kajian ini. Item-item yang dipilih mencakupi pelbagai aspek yang berkaitan dengan persekitaran kerja guru. Berdasarkan kerenaah pelajar dan beban tugas guru, penulis mengubah suai bentuk item untuk disesuaikan dengan konteks kajian ini.

## **Dapatan Kajian**

Bahagian ini menjelaskan hasil analisis data dan menyatakan dapatan kajian mengikut urutan soalan kajian. Penulis menunjukkan hasil kajian dalam bentuk jadual dan disertakan dengan penjelasan. Penulis turut menyatakan sama ada hipotesis yang dibina pada awal kajian diterima atau ditolak serta memberikan tafsirannya.

## **Dapatan Analisis Data Statistik Deskriptif**

### a) Tahap Stres

Penulis menganalisis 26 soalan berhubung tahap stres daripada borang soal selidik yang disediakan. Hasil dapatan kajian adalah analisis yang dibuat berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh responden. Responden perlu menjawab soalan-soalan ini mengikut skala Likert yang diwakili oleh Tidak Pernah (TP), Jarang (J), Kadangkala (KK), Agak Kerap (AK) dan Kerap (K).

**Jadual 1** Analisis min dan sisihan piawai tahap stres

<b>Bil.</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
1.	Saya mempunyai pemikiran negatif akibat dari masalah yang berkaitan	2.49	.819
2.	Saya mempunyai perasaan tertekan yang berpanjangan akibat dari masalah yang berkaitan	2.34	.887
3.	Saya menghadapi masalah dalam membuat keputusan	2.51	.732
4.	Kecekapan dalam pekerjaan berkurangan berbanding dengan dahulu	2.39	.989
5.	Kualiti kerja saya telah merosot	2.29	.928
<b>6.</b>	<b>Saya berasa sangat letih dari segi rohani, emosi dan fizikal selepas kerja</b>	<b>2.87</b>	<b>.931</b>
7.	Saya kerap menghadapi selesema dan jangkitan virus pada hari bekerja	2.15	.930
8.	Saya berpendapat bahawa perubahan tabiat makanan disebabkan masalah yang berkaitan dengan kerja	2.51	1.094
9.	Saya menggunakan ubat untuk mengurangkan perasaan cemas disebabkan oleh kerja	1.27	.630
<b>10.</b>	<b>Saya menggunakan ubat untuk mengurangkan perasaan bimbang disebabkan oleh kerja</b>	<b>1.21</b>	<b>.591</b>
11.	Saya berpendapat bahawa peningkatan kelalaian dalam menjalankan tugas meningkat	2.19	.867
12.	Saya kerap berasa bosan semasa bekerja	2.21	.942
13.	Saya berpendapat bahawa tidak peka terhadap perasaan orang lain di tempat kerja	2.04	.812

<b>Bil.</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
14.	Saya berpendapat bahawa terdapat hubungan yang tegang dengan majikan	1.85	.969
15.	Saya berpendapat bahawa terdapat hubungan yang tegang dengan rakan sekerja	1.76	.794
16.	Saya berpendapat bahawa terdapat hubungan yang tegang dengan ahli keluarga	1.55	.740
17.	Saya kurang tumpuan semasa melaksanakan sesuatu tugas	2.14	.758
18.	Saya berasa ketidakpuasan terhadap kerja	2.35	.955
19.	Saya kerap muram semasa bekerja	2.00	.780
20.	Saya cepat marah semasa bekerja	2.23	.825
21.	Saya kerap tidak sabar semasa bekerja	2.23	.800
22.	Saya kurang bersemangat sewaktu bekerja	2.23	.812
23.	Saya berasa letih yang berpanjangan di tempat kerja walaupun selepas cukup tidur	2.23	.918
24.	Saya kerap berasa kecewa pada waktu pejabat	1.96	.855
25.	Saya kerap berfikir untuk meletak jawatan	1.55	.901
26.	Saya kerap berfikir untuk bertukar tempat kerja	2.39	1.306

Jadual 1 menunjukkan analisis min dan sisihan piawai tahap stres. Soalan keenam menunjukkan purata min berada pada tahap tertinggi (2.87) menggambarkan bahawa guru merasakan mereka mengalami stres sekembali dari bekerja dan berasa letih dari segi mental dan jasmani.



Dapatan kedua min tertinggi ialah soalan kelapan yang menyatakan terdapat perubahan tabiat makanan disebabkan masalah yang berkaitan dengan kerja. Situasi ini mungkin disebabkan guru mengalami stres dan cuba untuk menghilangkan stres dengan pengambilan makanan.

Soalan kesepuluh menunjukkan purata min berada pada tahap terendah (**1.21**), menggambarkan tidak ramai guru yang terpaksa mengambil ubat untuk meredakan stres.

#### b) Kerenah Pelajar

Penulisk menganalisis 13 soalan tentang kerenah pelajar daripada borang soal selidik yang disediakan. Dapatan yang diperoleh adalah analisis yang dibuat berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh responden. Responden perlu menjawab soalan-soalan ini mengikut skala Likert yang diwakili oleh Tidak Ada Tekanan (T), Tekanan Rendah (TR), Tekanan Sederhana (TS), Tekanan Tinggi (TT) dan Tekanan Sangat Tinggi (TST).

**Jadual 2** Analisis min dan sisihan piawai kerenah pelajar

<b>Bil.</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
1.	Mengajar kelas yang pelajarannya kurang memberi tumpuan	3.05	.889
2.	Pelajar yang tidak mengikut arahan	3.26	.882
3.	Sikap pelajar yang negatif terhadap pelajaran	3.21	.927
4.	Pelajar yang tidak menyiapkan tugas	3.27	.897
5.	Mengajar kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang terlalu ramai	3.18	1.106
6.	Mengajar pelajar-pelajar yang tidak bermotivasi	3.13	.961
7.	Pelajar yang membuat bising semasa pengajaran	3.32	.953

<b>Bil.</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
8.	Mengendalikan pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin	3.37	.986
9.	Tingkah laku pelajar yang kurang sopan	3.47	.991
<b>10.</b>	<b>Tingkah laku pelajar yang biadap</b>	<b>3.65</b>	<b>1.009</b>
<b>11.</b>	<b>Saya berasa seolah-olah saya akan diancam setelah saya menghukum pelajar yang melanggar disiplin</b>	<b>2.46</b>	<b>1.084</b>
12.	Saya rasa bersalah apabila ramai pelajar saya tidak lulus ujian yang saya beri	3.26	1.010
13.	Saya tidak dapat tidur apabila ramai pelajar saya tidak memahami pengajaran saya	2.84	1.020

Berdasarkan Jadual 2, soalan kesepuluh menunjukkan purata min berada pada tahap tertinggi (**3.65**), menunjukkan bahawa guru merasakan stres yang sangat tinggi disebabkan pelajar yang biadap.

Soalan ke-11 menunjukkan purata min berada pada tahap terendah (**2.46**), menunjukkan guru tidak berasa akan diancam walaupun setelah menghukum pelajar yang melanggar disiplin selagi mana hukuman yang dikenakan mematuhi garis panduan yang sedia ada.

### c) Beban Tugas

Dalam aspek ini penyelidik menganalisis 18 soalan mengenai beban tugas daripada borang soal selidik yang disediakan. Ia adalah analisis yang dibuat berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh responden. Responden perlu menjawab soalan-soalan ini mengikut skala Likert yang diwakili oleh Tidak Ada Tekanan (T), Tekanan Rendah (TR), Tekanan Sederhana (TS), Tekanan Tinggi (TT) dan Tekanan Sangat Tinggi (TST).

**Jadual 3** Analisis min dan sisihan piawai beban tugas

<b>Bil.</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
1.	Menyediakan rancangan pengajaran harian	2.01	.953
<b>2.</b>	<b>Melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran</b>	<b>1.89</b>	<b>.868</b>
3.	Banyak masa digunakan untuk membuat persediaan pengajaran	2.19	.931
4.	Mengemas kini markah peperiksaan pelajar untuk dimasukkan dalam sistem SAPS	2.65	1.055
5.	Menerima arahan yang kurang jelas daripada pihak pentadbir	2.92	1.016
6.	Kekurangan kemudahan alat bantu mengajar seperti LCD	2.94	1.088
<b>7.</b>	<b>Dipertanggungjawabkan atas kegagalan pelajar dalam peperiksaan</b>	<b>3.47</b>	<b>1.067</b>
8.	Tidak mendapat sokongan daripada rakan-rakan sekerja dalam mengendalikan sesuatu aktiviti	3.12	1.116
9.	Saya berasa bahawa tugas-tugas di sekolah menyebabkan saya sentiasa sibuk	3.07	1.008
10.	Saya terpaksa menyiapkan kerja sekolah di rumah	3.02	1.129
11.	Melakukan kerja-kerja pentadbiran yang bukan dalam bidang tugas	3.35	1.094
12.	Saya dilawati oleh Jemaah Nazir Sekolah	2.88	1.088
13.	Saya mempunyai masa rehat yang singkat	2.95	1.023

Bil.	Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
14.	Saya mempunyai kekurangan masa untuk memberi tumpuan kepada pelajar secara individu	3.03	.978
15.	Saya mempunyai jumlah waktu mengajar yang banyak	2.93	1.128
16.	Saya tidak dapat menghabiskan sukatan pelajaran	3.08	.975
17.	Saya terpaksa menjadi guru ganti apabila ketidakhadiran guru lain	2.91	1.082
18.	Saya tidak diberikan kebebasan untuk memilih mata pelajaran opsyen	2.71	1.219

Berdasarkan Jadual 3, soalan ketujuh menunjukkan purata min berada pada tahap tertinggi (**3.57**). Situasi ini menunjukkan bahawa guru merasakan stres yang sangat tinggi sekiranya dipersalahkan akibat kemerosotan prestasi mata pelajaran dan kegagalan pelajar mereka.

Soalan kedua menunjukkan purata min berada pada tahap terendah (1.89), menggambarkan guru tidak berasa stres ketika melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara yang biasa dilakukan dan menjadi kebiasaan bagi guru. Maka, ia tidak menjadi masalah dan tidak menimbulkan stres kepada mereka untuk melakukan tugas tersebut.

#### d) Faktor yang Menyebabkan Stres Guru

Berdasarkan faktor yang dikaji, iaitu kerenah pelajar dan beban tugas, secara keseluruhannya, didapati min untuk kedua-dua faktor stres dalam kalangan responden berada pada tahap stres sederhana. Skor min untuk setiap faktor ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4** Skor min untuk faktor-faktor stres responden

Faktor Stres	N	Min	Sisihan Piawai
Kerenah Pelajar	282	3.19	0.69
Beban Tugas	282	2.84	0.71

Berdasarkan Jadual 4, kerenah pelajar mempunyai min yang lebih besar iaitu (3.19) berbanding dengan min beban tugas iaitu (2.84). Bermaksud, kerenah pelajar lebih mendatangkan stres kepada guru berbanding dengan beban tugas yang dihadapi oleh guru.

### **Analisis Hipotesis**

Hipotesis kajian adalah untuk melihat perbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah. Hipotesis-hipotesis yang dibentuk adalah bertujuan mengukur perbezaan tahap stres guru mengikut ciri demografi, menentukan pengaruh kerenah pelajar dengan tahap stres guru, menentukan pengaruh beban tugas dengan tahap stres guru dan menentukan pengaruh kerenah pelajar dan beban tugas terhadap tahap stres guru. Hasil dapatan dibentangkan secara terperinci seperti berikut:

Hipotesis Pertama ( $H_{01}$ ) Tidak Terdapat Perbezaan yang Signifikan antara Tahap Stres Guru Mengikut Ciri Demografi.

Oleh kerana kajian ini mempunyai empat ciri demografi iaitu jantina, umur, kelayakan ikhtisas dan pengalaman bekerja maka, empat ujian yang berasingan dibuat dan hasilnya adalah seperti yang berikut:

$H_{01}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres guru mengikut jantina.

**Jadual 5** Keputusan ujian-t bagi aras stres mengikut jantina

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Df	t	Signifikan
Lelaki	104	1.31	0.48	280	-0.49	0.987
Perempuan	178	1.32	0.47		-0.49	

Menurut Mohd. Najib (2003), ujian-t digunakan untuk menguji perbezaan signifikan antara min dua kumpulan. Ia digunakan untuk

menguji wujudnya perbezaan antara min satu pemboleh ubah bagi dua kumpulan sampel yang tidak saling bergantung. Dalam kajian ini, min antara dua pemboleh ubah akan dibandingkan. Nilai ‘p’ yang digunakan ialah 0.05 untuk menentukan aras signifikan bagi menguji hipotesis nul, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru dari segi demografi jantina.

Analisis ujian-t pada pada Jadual 5 menunjukkan skor min tahap tekanan kerja guru lelaki dan perempuan. Data menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap tekanan kerja antara guru lelaki dengan guru perempuan. Hal ini dapat dijelaskan dengan skor min lelaki adalah 1.31 (N = 104, SP = 0.48) dan skor min bagi perempuan adalah 1.32 (N = 178, SP = 0.47). Perbezaan antara dua skor min adalah sangat kecil iaitu 0.01. Keadaan ini jelas apabila hasil ujian-t adalah - 0.49 dan - 0.47. Dapatan kajian mendapati nilai  $p = 0.987 > \alpha 0.05$ . Hipotesis nol gagal untuk ditolak dan boleh disimpulkan bahawa tahap stres guru lelaki dengan guru perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

H<sub>02</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres guru mengikut umur.

**Jadual 6** ANOVA tahap tekanan kerja berdasarkan umur

	<b>Df</b>	<b>Min</b>	<b>F</b>	<b>Signifikan</b>
Antara Kumpulan	4	.289	1.083	.365
Dalam Kumpulan	277	.287		

Keputusan ANOVA sehala pada Jadual 6 menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan [ $F = 1.083$  (DK = 4, 277) dan Sig.  $P = 0.365$ ] antara tahap stres dengan umur pada aras  $P > 0.05$ . Nilai ini sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Dapat dikatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru berdasarkan umur.

H<sub>03</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres guru mengikut kelulusan ikhtisas.

**Jadual 7** ANOVA tahap tekanan kerja berdasarkan kelulusan ikhtisas

	<b>Df</b>	<b>Min</b>	<b>F</b>	<b>Signifikan</b>
Antara Kumpulan	4	.342	1.287	.275
Dalam Kumpulan	277	.266		

Keputusan ANOVA sehala pada Jadual 7 menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan [ $F = 1.287$  ( $DK = 4, 277$ ) dan  $Sig.P = 0.275$ ] antara tahap stres dengan kelulusan ikhtisas pada aras  $P > 0.05$ . Nilai ini sangat tinggi untuk menunjukkan bahawa terdapat sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Dapat dikatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru berdasarkan kelulusan ikhtisas.

$H_{04}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres guru mengikut pengalaman mengajar.

**Jadual 8** ANOVA tahap stres berdasarkan pengalaman mengajar

	<b>Df</b>	<b>Min</b>	<b>F</b>	<b>Signifikan</b>
Antara Kumpulan	4	.484	1.835	.122
Dalam Kumpulan	277	.264		

Keputusan ANOVA sehala pada Jadual 8 menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan [ $F = 1.835$  ( $DK = 4, 277$ ) dan  $Sig.P = 0.122$ ] antara tahap stres dengan pengalaman mengajar pada aras  $P > 0.05$ . Nilai ini adalah sangat tinggi untuk menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Dapat dikatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap stres guru berdasarkan pengalaman mengajar.

Berdasarkan empat ciri demografi responden iaitu jantina, umur, kelayakan ikhtisas dan pengalaman mengajar, dapat disimpulkan bahawa tidak ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap stres guru, dengan ciri demografi guru. Maka, hipotesis yang dinyatakan ini gagal untuk ditolak.

Hipotesis Kelima ( $H_{05}$ ) Tidak Terdapat Hubungan yang Signifikan antara Kerenah Pelajar dengan Tahap Stres Guru.

**Jadual 9** Kolerasi kerenah pelajar dengan tahap stres guru

		<b>Tahap Stres</b>	<b>Karenah Pelajar</b>
Karenah Pelajar	Kolerasi Pearson	.531**	1
	Signifikan (2-tailed)	.000	
	N	282	282

\*\* Korelasi signifikan pada tahap 0.01

Berdasarkan Jadual 9, didapati nilai pekali korelasi,  $r$  bagi faktor kerenah pelajar dengan tahap stres adalah bersamaan dengan 0.531\*\*, sekali gus menunjukkan korelasi yang sederhana. Memandangkan nilai  $p = 0.000$  adalah lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis ini gagal untuk diterima. Bermakna, terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor stres dari aspek kerenah pelajar dengan tahap stres. Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor stres dari aspek kerenah pelajar dengan tahap stres dalam kalangan guru di sekolah menengah di daerah Semporna berada pada tahap yang sederhana.

Hipotesis Keenam ( $H_{06}$ ) Tidak Terdapat Hubungan yang Signifikan antara Beban Tugas dengan Tahap Stres Guru.

Berdasarkan Jadual 10, didapati nilai pekali korelasi,  $r$  bagi faktor beban tugas dengan tahap stres adalah bersamaan dengan 0.546\*\*, menunjukkan korelasi yang sederhana. Memandangkan nilai  $p = 0.000$  adalah lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis ini gagal untuk diterima. Bermakna, terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor stres dari aspek beban tugas dengan tahap stres.



**Jadual 10** Kolerasi beban tugas dengan tahap stres guru

		Tahap Stres	Beban Tugas
Beban Tugas	Kolerasi Pearson	.546**	1
	Signifikan (2-tailed)	.000	
	N	282	282

\*\* Korelasi signifikan pada tahap 0.01

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor stres dari aspek beban tugas dengan tahap stres dalam kalangan guru di sekolah menengah di daerah Semporna berada pada tahap yang sederhana.

Hipotesis Ketujuh ( $H_{07}$ ) Tidak Terdapat Hubungan yang Signifikan antara Kerenah Pelajar dan Beban Tugas dengan Tahap Stres Guru.

Seperti yang dibincangkan, terdapat hubungan signifikan bagi faktor kerenah pelajar dengan tahap stres guru dan juga terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor beban tugas dengan tahap stres guru.

**Jadual 11** Kolerasi kerenah pelajar dan beban tugas dengan tahap stres guru

		Tahap Stres	Kerenah Pelajar	Beban Tugas
Kerenah Pelajar	Kolerasi Pearson	.531**	1	.720**
	Signifikan (2-tailed)	.000		.000
	N	282	282	282
Beban Tugas	Kolerasi Pearson	.546**	.720**	1
	Signifikan (2-tailed)	.000	.000	
	N	282	282	282

\*\* Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung).

Berdasarkan Jadual 11, didapati nilai pekali korelasi,  $r$  bagi faktor kerenah pelajar dan faktor beban tugas adalah bersamaan dengan 0.720\*\*, sekali gus menunjukkan hubungan tinggi, kuat dan sangat ketara. Memandangkan nilai  $p = 0.001$  adalah lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis ini gagal untuk diterima. Bermakna, terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres dari aspek kerenah pelajar dan beban tugas dengan tahap stres guru.

## **Perbincangan**

### **Faktor utama menyebabkan stres guru**

Kajian ini mendapati bahawa faktor kerenah pelajar dan beban tugas menyumbang kepada stres dalam kalangan guru. Data daripada analisis menunjukkan bahawa sokongan kuat kesemua faktor sama-sama dominan dalam menyumbang stres dalam kalangan responden. Maka, dapat disimpulkan bahawa faktor-faktor tersebut menjadi penyumbang kepada stres dalam kalangan guru sekolah menengah di daerah Semporna. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa model kerangka kajian yang digunakan untuk meramal aras stres guru yang diadaptasikan dari kajian terdahulu oleh Boyle *et al.* (1995) di Malta dapat diaplikasikan dalam konteks guru-guru sekolah menengah di daerah Semporna.

### **Hubungan kerenah pelajar dengan tahap stres guru**

Keputusan kajian mendapati hipotesis nul kajian gagal untuk diterima. Hipotesis nul menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerenah pelajar dengan tahap stres guru. Didapati nilai pekali korelasi,  $r$  bagi faktor kerenah pelajar dengan tahap stres adalah bersamaan dengan 0.531\*\*, sekali gus menunjukkan korelasi yang sederhana. Memandangkan nilai  $p = 0.001$  adalah lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis ini gagal untuk diterima. Bermakna, terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor stres dari aspek kerenah pelajar dengan tahap stres. Oleh kerana keputusan ujian korelasi

menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor stres dari aspek kerenah pelajar dengan tahap stres dalam kalangan guru di sekolah menengah di daerah Semporna berada pada tahap yang sederhana.

### **Hubungan beban tugas dengan tahap stres guru**

Keputusan kajian mendapati hipotesis nul kajian gagal untuk diterima. Hipotesis nul menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas dengan tahap stres guru. Didapati nilai pekali korelasi,  $r$  bagi faktor beban tugas dengan tahap stres adalah bersamaan dengan  $0.546^{**}$ , sekali gus menunjukkan korelasi yang sederhana. Memandangkan nilai  $p = 0.001$  adalah lebih kecil daripada  $0.05$ , maka hipotesis ini gagal untuk diterima. Bermakna, terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor stres dari aspek beban tugas dengan tahap stres. Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor stres dari aspek beban tugas dengan tahap stres dalam kalangan guru di sekolah menengah di daerah Semporna berada pada tahap yang sederhana.

### **Hubungan antara kerenah pelajar dan beban tugas dengan tahap stres guru**

Keputusan kajian mendapati hipotesis nul kajian gagal untuk diterima. Hipotesis nul menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kerenah pelajar dan beban tugas dengan tahap stres guru. Didapati nilai pekali korelasi,  $r$  bagi faktor kerenah pelajar dan faktor beban tugas adalah bersamaan dengan  $0.720^{**}$ , sekali gus menunjukkan hubungan tinggi, kuat dan sangat ketara. Memandangkan nilai  $p = 0.001$  adalah lebih kecil daripada  $0.05$ , maka hipotesis ini gagal untuk diterima. Bermakna, terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor stres dari aspek kerenah pelajar dan beban tugas dengan tahap stres guru.

## Rumusan

Bidang pendidikan di negara kita tidak dapat menolak kehadiran stres. Stres memberi banyak kesan negatif kepada pihak guru. Gejala ini boleh dianggap sebagai satu petunjuk kepada tahap kesihatan mental guru. Tahap stres dalam kalangan guru yang tidak terkawal boleh membawa implikasi yang negatif kepada sistem pendidikan secara keseluruhan. Realitinya, stres memberi kesan kepada keberkesanan produktiviti guru, peningkatan kes ponteng dan persaraan awal dalam kalangan guru.

## Rujukan

- Abu Omar K. (1996). *Mental health and physical activity in the European Union*. Soz Praventivme.
- Bachkirova, T., Stevens, P. & Willis, P. (2005). *Coaching supervision*. Oxford: Oxford Brookes Coaching and Mentoring Society.
- Borg, M. G. (2000). *Occupational stress in British educational settings: A Review*.
- Boyle, G. J. Borg, M. G., Falzon, J.M. & Baglioni, A.J. (1995). A structural model of the dimensions of teacher stress. *British Journal of Educational Psychology*.
- Chan, D. W. (2000). Multidimensional assessment and causal modelling in teacher stress research: A commentary. *British Journal of Educational Psychology*, 65: 381 – 385.
- Chei, C.L. (1996). *Tekanan kerja dalam kalangan guru-guru di sebuah Sekolah Menengah kerajaan dan sebuah sekolah menengah*. Tesis (B.Ed.), Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Chua Bee Seok. (2004). *Jurnal Teknologi*. 40(E) Jun: 1–18.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Cooper, C. L. (2000). *Psychology and management*. London: The MacMillan Press.
- Cooper, C. L. & Kelly, J. (2000). Occupational sources of stress: Overview of the literature relating to coronary heart disease and mental health. *Journal of Occupational Psychology*, 49: 11 - 28.
- Dunham, J. (1992). *Stress in teaching*. (2nd ed). London: Routledge.
- Educational Psychology*. 10 (2): 103 – 125.
- Hart, P.M., Wearing, A.J., & Headey, B. (2001). Police stress and well-being: integrating personality, coping and daily work experiences. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 68, 133–156.
- Kelly AL & Berthelsen DC. (1995). Preschool teachers' experience of stress. *Journal of Teaching & Teacher Education*, 11:345–357.

- Kyriacou, C. (2001). Teacher's stress and burnout: An international review. *Educational Research*, 29 (2): 146 – 152.
- Kyriacou, C. & Sutcliffe, J. (1977). Teacher stress: A review. *Educational Review*, 29 (4): 299 - 306.
- Kyriacou, C. & Chien, Pei Yu. (2004). Teacher stress in Taiwanese primary schools. *Journal of Educational Enquiry*, 5 (2): 86 – 104.
- Kyriacou, C., & Sutcliffe, J. (1978). Teacher stress: Prevalence, sources and symptoms. *British Journal of Education Psychology*.
- Laughlin, A. (2002). Teacher stress in an Australian setting: The role of biographical mediators. *Educational Studies*, 10 (1): 7-22.
- Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon. (2008). *Pengenalan kepada analisis statistik dalam penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Venton Publishing Limited.
- Manthei, R. & Solman. (1998). Teacher stress in intermediate schools. *Educational research*, 38 (1): 3-19.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Hasidin Zaini (2002). *Faktor-faktor ciri-ciri kerja yang mempengaruhi stres guru: Kajian dalam kalangan kakitangan sumber kemahiran hidup sekolah menengah negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mohd. Hasidin Zaini. (2002). *Faktor ciri-ciri kerja yang mempengaruhi stres guru: Kajian di kalangan kakitangan sumber Kemahiran Hidup sekolah menengah negeri Johor*. Tesis Sarjana Pengurusan Teknologi. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Azzuddin Abd. Aziz. (1990). Hubungan antara tekanan kerja, kepuasan kerja dan kecenderungan untuk berhenti kerja di kalangan guru-guru KBSM di kawasan luar bandar. Latihan Ilmiah. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hanani Hussin. (2007). *Membina sukses tanpa stres*. Selangor: Edusystem.
- Noran Fauziah Yaakub & Ahmad Mahdzan Ayob. (1993). Principals' leadership style and school performance: Case of Selangor secondary schools. *Jurnal Pertanika. Sosial Sains dan Humanistik*, 1(1): 19-25.
- Norah, M.I.. (2000). Pola tekanan, punca tekanan, personaliti dan cara menangani tekanan. *Jurnal Pendidikan*, 10, 73-91.
- Payne, M. A. & Furnham, A. (1987). Dimensions of occupational stress in West Indian secondary school teachers. *British Journal of Educational Psychology*, 57: 141 – 150.
- Pervez & Hanif, (2003). Level and sources of work stress among women school teachers. *Pakistan Journal of Psychological Research*, Vol. 18: 97-108.
- Pithers, R & Fogarty, G. (1995). Congruence as a predictor occupational stress. *Journal of Vocational Behaviour*, 46 (3), 292-309.

- Pithers, R.T., & Soden, R. (1999). Person-environment fit and teacher stress. *Educational Research*, 41, 51 -61.
- Sapora Sipon. (2001). *Stress dan pencapaian akademik pelajar*. Buletin Psikologi 2000/2001. Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Rohani Md. Sharif. (2001). *Pengaruh faktor sekolah ke atas tekanan guru*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Tan, Huat Chye. (1996). *Occupational stress among national type Chinese primary school teachers in Gombak district*. Universiti Malaya: Tesis Sarjana.
- Trendall, C. (1999). Stress in teaching and teacher effectiveness: A study of teachers across mainstream and special education. *Educational Research*, 31 (1): 52 – 58.
- Van Dick, R., & Wagner, U. (2001). Stress and strain in teaching: A structural equation approach. *British Journal of Educational Psychology*, 2: 71, 243.
- Zolkepli Mohamed. (2001). *Hubungan persamaan berstruktur kecerdasan emosi dan kemahiran pengurusan*. Tanjung Malim:UPSI Research, Universiti Pendidikan Sultan Idris.